

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)

SOALAN 6 (A226)

Adakah Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) menyediakan program kerjaya bagi lepasan mahasiswa dalam jurusan Pengajian Islam terutamanya lepasan KUIJSI dan lepasan dari timur tengah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) atau dengan nama baharu Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) adalah merupakan Institusi Pengajian Tinggi Islam hak milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) yang ditubuhkan pada 1997 serta berdaftar sebagai IPTS di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia mulai 2005.

Pada 08 Februari 2022, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) telah mendapat kelulusan dari Kementerian Pendidikan Tinggi untuk dinaiktaraf sebagai sebuah Kolej Universiti dengan nama baharu iaitu Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) dan pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim sebagai Canselor telah dilaksanakan pada Istiadat Konvokseyen KUIJSI Ke-21 pada 13 Disember 2023. Pada istiadat tersebut juga Duli Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor dan YB Tan Sri Dato' Dr. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor telah dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor KUIJSI.

KUIJSI telah melahirkan lebih dari 5000 orang graduan sejak ditubuhkan pada tahun 1997. Antara program-program yang ditawarkan pada ketika ini adalah seperti Diploma Syariah Islamiah, Diploma Usuluddin, Diploma Pendidikan Tahfiz Al-Qur'an Wal Qiraat, Diploma Pendidikan Islam, Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Diploma Perbankan Islam, Diploma Pendidikan tahfiz, Diploma Pengurusan Dakwah, Diploma Pendidikan Islam (ODL), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Halal dan Ijazah Sarjana Muda Syariah Pengurusan Halal. Graduan KUIJSI boleh menyambung pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara.

Berkaitan dengan program kerjaya, pihak KUIJSI menjalin kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi membolehkan keutamaan graduan KUIJSI dipilih untuk bekerja dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana graduan dari IPT lain. Usaha untuk bekerjasama dengan pihak/pemain industri melalui program diploma yang bersesuaian akan sentiasa disusun dan dilaksanakan secara berperingkat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Untuk makluman Yang Berhormat,

- Graduan KUIJSI daripada Diploma Pendidikan Islam sebahagian besarnya akan dipertimbangkan untuk menjadi guru di Sekolah Agama Kerajaan Johor melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) sejak tahun 2011.
- Graduan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak berpeluang menjadi guru tadika di sektor awam atau swasta.
- Graduan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat mempunyai peluang untuk menjadi imam atau bilal di bawah Syarikat Bukan Kerajaan (GLC) seperti JCorp, Kulim ataupun masjid-masjid dan surau-sarau di negeri Johor.
- Graduan Diploma Pendidikan Tahfiz dirancang dan disusun untuk menjadi guru tahfiz bertauliah di Maahad-Maahad Tahfiz yang berdaftar di negeri Johor.
- Kebanyakan daripada graduan KUIJSI akan bekerja di sektor awam dan swasta seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan lain-lain jawatan yang menawarkan pengisian jawatan di dalam atau diluar negeri Johor.
- Terdapat juga graduan KUIJSI yang memilih untuk melanjutkan pengajian ke luar negara seperti di Jordan, Indonesia dan Universiti-universiti dalam negara

Data kebolehpasaran graduan pelajar KUIJSI pada tahun 2021 dan 2022 menunjukkan 65% - 77% graduan KUIJSI telah bekerja. Secara kesimpulannya, ini menunjukkan graduan KUIJSI berpeluang serta mampu untuk bersaing dengan graduan dari IPTA/S lain dan seterusnya menempatkan diri di dalam sektor awam mahupun industri tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 7 (A126)

Ekonomi Johor diterajui oleh sektor pembuatan, berapakah pecahan peratusan pekerja asing dan pekerja tempatan yang terlibat dalam sektor pembuatan ini?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker,

setakat ini kami mempunyai data mengenai majikan dan pekerja aktif secara keseluruhan di Negeri Johor yang merangkumi pelbagai sektor, termasuk E&E, pembuatan, perkhidmatan dan lain-lain. Semua data ini adalah merujuk kepada majikan dan pekerja yang mempunyai sekurang-kurangnya satu caruman PERKESO mengikut tempoh yang dinyatakan.

Menurut data yang kami miliki, jumlah majikan aktif di seluruh negeri Johor pada suku empat tahun 2022 adalah 68,240, di mana 13,534 daripadanya mempekerjakan pekerja asing. Pada masa yang sama, jumlah pekerja tempatan di Johor adalah 846,674 orang (73.98%), manakala jumlah pekerja asing adalah 297,737 orang (26.02%).

Bagi suku empat tahun 2023, jumlah majikan aktif meningkat kepada 70,856, di mana 15,134 daripadanya mempekerjakan pekerja asing. Pada tahun tersebut, jumlah pekerja tempatan adalah 818,584 orang (68.92%), manakala jumlah pekerja asing adalah 369,072 orang (31.08%).

Bagi suku pertama tahun 2024, terdapat 66,380 majikan yang aktif di seluruh negeri Johor, dengan 13,769 daripadanya mempekerjakan pekerja asing. Jumlah pekerja tempatan yang aktif adalah 710,828 orang (68.74%), manakala jumlah pekerja asing adalah 323,369 orang (31.26%).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 8 (A192)

Apakah usaha yang pihak kerajaan ambil bagi memastikan kontraktor-kontraktor Bumiputera kelas G1 dapat bertahan ekoran projek-projek kecil yang dikonsesikan kepada pihak swasta seperti projek jalan dan lain-lain?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, beberapa syarikat konsesi telah dilantik untuk melaksanakan kerja pengurusan dan penyelenggaraan bagi jalan-jalan di seluruh negeri Johor seperti berikut:

No.	Nama Syarikat	Kontrak Kerja
1.	Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd	Projek Pengurusan dan Penyelenggaraan Jalan-Jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Seluruh Negeri Johor
2.	Qul Holdings Sdn Bhd	Projek Menaiktaraf dan Melebarkan Jalan-Jalan Kampung Sedia Ada Termasuk Pembinaan Jalan Kampung yang Baharu di Seluruh Negeri Johor
3.	Teto Engineering Sdn Bhd	Projek Penyelenggaraan Jalan-Jalan Zon A di Seluruh Negeri Johor (Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulai, Mersing & Pontian)
4.	Tiya Bina Sdn Bhd	Projek Penyelenggaraan Jalan-Jalan Zon B di Seluruh Negeri Johor (Batu Pahat, Kluang, Muar, Segamat & Tangkak)
		Projek Pengurusan dan Penyelenggaraan 4,000 KM Jalan – Jalan Kampung di Seluruh Negeri Johor

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 515 bilangan pakej kerja telah dikeluarkan oleh pihak syarikat konsesi untuk kontraktor G1 di seluruh negeri Johor dengan jumlah nilai RM 61,503,473.25 seperti berikut:

No.	Jangka Masa	Bilangan Pakej Kerja G1	Nilai Pakej Kerja G1
1.	Suku Pertama 2023 (Q1 2023)	79	RM16,890,560.53
2.	Suku Kedua 2023 (Q2 2023)	113	RM15,933,863.39
3.	Suku Ketiga 2023 (Q3 2023)	112	RM14,367,039.20
4.	Suku Keempat 2023 (Q4 2023)	211	RM14,312,010.13
Jumlah		515	RM61,503,473.25

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Bagi tahun 2024 ini, pihak kerajaan melalui JCCD telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kerja undi perdana bersama pihak konsesi iaitu Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd dan Tiya Bina Sdn Bhd yang dirancang akan berjalan pada pertengahan bulan Mei 2024. Sesi undi kali ini akan melibatkan syarikat – syarikat konsesi Projek Pengurusan dan Penyelenggaraan Jalan di Seluruh Negeri Johor khusus untuk penganugerahan kontrak kerja kepada kontraktor kecil iaitu kontraktor G1 dan juga termasuk kontraktor G2. Sesi undi ini akan mengumpulkan sejumlah 81 pakej kerja untuk agihan kepada kontraktor melibatkan syarikat konsesi berkenaan dengan anggaran keseluruhan peruntukkan sebanyak RM15,875,305.46 dan sebanyak RM8,917,581.59 daripada keseluruhan peruntukkan merangkumi 59 pakej kerja akan dianugerah kepada kontraktor G1 yang layak dan semua pakej kerja ini merangkumi kawasan PBT dan daerah di seluruh negeri Johor.

Sebagai nota kepada semua ahli dewan, kerja undi di bawah JCCD ini telah menetapkan agar hanya kontraktor G1 yang telah menerima kerja di bawah RM100,000.00 dan juga kepada kontraktor yang belum menerima kerja daripada syarikat konsesi berkenaan pada tahun 2024 telah dijadikan pra – syarat untuk layak menyertai kerja undi yang akan dilaksanakan.

Tambahan pula, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Johor juga baru – baru ini telah meluluskan dan telah merancang untuk melaksanakan kerja undi pada awal bulan Mei 2024 bersama syarikat konsesi Teto Engineering Sdn Bhd dan Tiya Bina Sdn Bhd melibatkan Projek Pengurusan dan Penyelenggaraan Jalan Negeri. Perancangan daripada pihak JKR ini akan melibatkan penganugerahan pakej kerja di dalam keseluruhan 10 daerah negeri Johor dan sebanyak 40 pakej kerja telah disediakan membawa kepada nilai peruntukkan sebanyak RM4,000,000.00 bersedia untuk diagihkan kepada kontraktor G1 yang berkelayakan.

Sedikit – sebanyak, usaha daripada pihak kerajaan ini dapat membantu kontraktor kecil sedia ada untuk membuka pintu rezeki dengan mendapat peluang pekerjaan dan seterusnya meneruskan kelangsungan hidup syarikat dengan melibatkan diri dalam Projek Pengurusan dan Penyelenggaraan Jalan di Seluruh Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 9 (A122)

Apakah pihak PPD Pasir Gudang mempunyai perancangan untuk menambah bilangan sekolah di dalam DUN Tiram berikutan pertambahan perumahan baru seperti di PPR Sungai Tiram & Taman Perumahan Meridian East di Kg Cahaya Baru yang pasti akan mengalami pertambahan pelajar?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi bagi keperluan masyarakat setempat. Perkara ini penting bagi memastikan murid-murid berpeluang belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data JPN Johor pada April 2024, terdapat dua (2) sekolah rendah dalam jarak 7km di kawasan sekitar Sungai Tiram. Sekolah-sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan Sungai Tiram dan Sekolah Kebangsaan Ulu Tiram. Manakala di kawasan perumahan Meridian East terdapat tiga (3) buah sekolah rendah di kawasan sekitar Meridian East. Sekolah-sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan Cahaya Baharu, Sekolah Kebangsaan Kopok dan Sekolah Kebangsaan Taman Cahaya Masai.

Kesemua sekolah tersebut telah beroperasi secara dua sesi. Berdasarkan data kapasiti sekolah JPN Johor, sekolah kebangsaan sedia ada di kawasan PPR Sungai Tiram dan kawasan perumahan Meridian East telah padat dan tidak berupaya untuk menampung keperluan dan penambahan enrolmen murid yang bertambah setiap tahun.

Bagi meredakan kepadatan di Sekolah Kebangsaan Sungai Tiram, JPN Johor telah diluluskan projek pembinaan bangunan tambahan 17 bilik darjah, kantin, dewan, bilik-bilik khas dan lain-lain kemudahan di sekolah tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 3 (RP3)* Tahun 2023. Status pelaksanaan projek ini adalah di peringkat fasa rekabentuk. Manakala di Meridian East pula, JPN Johor telah merangka pelan jangka masa panjang dan mengambil kira penambahan taman perumahan di sekitar kawasan Meridian East semakin banyak, JPN Johor melalui Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang (PPD Pasir Gudang) sedang meneliti keperluan dan mengenal pasti cadangan awal tapak bagi pembinaan sebuah sekolah kebangsaan baharu di kawasan tersebut.

JPN Johor akan mengemukakan permohonan pembinaan sekolah kebangsaan baharu dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) setelah selesai urusan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

pemilikan cadangan tapak tersebut. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor mengambil langkah yang proaktif untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani isu penyediaan kemudahan pendidikan terutama di kawasan yang sedang dan rancak membangun. Antara langkah dan usaha yang diambil oleh pihak JPN Johor bagi mengatasi masalah tersebut adalah mengawal pendaftaran murid di sesebuah sekolah, penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada dan pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Dalam konteks pembinaan sekolah baharu, JPN Johor akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci dengan mengambil kira bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan (*catchment area*), serta perancangan pembangunan berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi sesebuah kawasan.

JPN Johor komited bagi mengenal pasti keperluan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian dan keperluan dalam kalangan masyarakat setempat khususnya di Dun Tiram agar menepati hasrat dalam perancangan Kawasan Sungai Tiram dan perumahan Meridian East.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 10 (A57)

Terdapat banyak kedai runcit yang diusahakan oleh warga asing. Bagaimana kelulusan diberikan? Apakah tindakan kerajaan kepada warga negara yang membenarkan nama mereka digunapakai pada lesen perniagaan warga asing kerana ia telah menjejaskan peluang perniagaan rakyat tempatan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Lambakan warganegara asing yang dilihat memonopoli sektor peruncitan adalah disebabkan warganegara asing tersebut mempunyai permit kerja yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Kebanyakan warganegara asing tersebut bekerja di bawah rakyat tempatan yang dikeluarkan lesen perniagaan. Secara undang-undangnya, warganegara asing tersebut mematuhi prosedur dan keperluan undang-undang kerana telah berdaftar dan dikeluarkan permit kerja yang sah oleh pihak JIM.

Pelabur asing ataupun warga asing yang hendak membuat permohonan lesen premis perniagaan hendaklah melampirkan kesemua dokumen yang disyaratkan dan juga hendaklah mematuhi prosedur dan syarat-syarat semasa permohonan mahupun sewaktu perniagaan sedang dijalankan. Di peringkat Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menghadkan beberapa aktiviti perniagaan daripada diberikan lesen kepada warganegara asing termasuk sektor peruncitan. Perkara tersebut ada dibincangkan dalam Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Pelesenan Bagi Kawalan Perniagaan Warga Asing di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor yang telah diadakan pada 6 Mac 2024 untuk melihat kewajaran pelaksanaan di peringkat PBT lain.

Untuk makluman, kedai runcit merupakan perniagaan yang perlu dipecahkan kepada dua (2) kategori iaitu :

1. Kedai Runcit yang dijalankan di Kawasan Bangunan Komersial / Premis Perniagaan yang mempunyai cukai harta berstatus Komersial
 - a. Bagi kategori ini adalah dibenarkan untuk individu bukan warganegara menjalankan perniagaan dan membuat permohonan lesen perniagaan dan iklan dengan syarat nama individu tersebut perlu berdaftar di dalam SSM sebagai salah seorang Pengarah Syarikat.
 - b. Selain itu, jika lesen perniagaan dan iklan adalah di atas nama individu warganegara Malaysia, individu tersebut boleh menggajikan pekerja bukan warganegara dengan syarat perlu mendapatkan permit kerja daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

2. Kedai Runcit yang dijalankan di kawasan kampung yang mempunyai cukai harta berstatus perumahan:
 - a. Bagi kategori ini lesen yang selalu dipertimbangkan adalah lesen penjaja. Seperti sedia maklum lesen penjaja hanya membenarkan individu warganegara Malaysia sahaja yang mengemukakan permohonan dan tidak menerima permohonan daripada individu bukan warganegara atau permaustatin tetap (PR).
 - b. Pelesen juga tidak boleh menggajikan pekerja bukan warganegara untuk membantu melaksanakan kerja-kerja di kedai.
 - c. Jika terdapat pelesen yang memberikan atau membenarkan nama mereka digunakan menjalankan aktiviti penjajaan, PBT boleh mengambil tindakan merampas dan membatalkan lesen penjaja yang telah dikeluarkan seterusnya menjalankan tindakan sitaan ke atas premis tersebut.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri telah menyediakan Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan sebagai usaha penyelarasan bagi 16 PBT Negeri Johor yang telah berkuat kuasa bermula Januari 2023. Sebagai contoh, pihak Majlis Perbandaran Pontian (MPPN) telah menyediakan senarai semak tambahan bagi mana-mana pengusaha yang menggajikan warga asing dengan mengemukakan salinan dokumen Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah sebelum pertimbangan lanjut pemprosesan permohonan lesen diteruskan sebagai langkah kawalan dalaman terhadap garis panduan yang dibangunkan.

Mana-mana premis yang telah mendapat kelulusan lesen perniagaan bermula tahun 2023 dan didapati menggajikan warga asing tanpa menyertakan dokumen Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) boleh diambil tindakan secara bersepadu bersama Jabatan Imigresen Malaysia bagi semakan dan tindakan lanjut. Selain dari itu, premis kedai runcit yang menggajikan warga asing juga dibawa masuk bagi pertimbangan kelulusan lesen perniagaan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Kesihatan dan seterusnya diberikan syarat seperti berikut :

- a) Premis kedai runcit perlu memastikan majikan / seorang pekerja warganegara berada di dalam premis ketika premis beroperasi
- b) Majikan tidak dibenarkan menjadikan premis yang sama sebagai tempat penginapan bagi pekerja asing tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)

SOALAN 11 (A174)

Apakah perancangan Agensi Anti Dadah Negeri Johor kepada keluarga penagih dadah supaya mereka tidak terlibat lagi dan dapat memperbaiki ekonomi dan sara hidup mereka.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan program berasaskan pendekatan bio-psikososial-spiritual yang mana ianya merangkumi aspek kesihatan, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, latihan kemahiran dan vokasional, pembangunan keluarga, dan integrasi masyarakat bagi membantu klien AADK untuk kekal pulih.

Untuk makluman Yang Dipertua dan Yang Berhormat, sebahagian besar klien AADK merangkumi 91.4% iaitu 5,394 orang, mempunyai pekerjaan dan antara bidang yang diceburi adalah swasta, perindustrian, pertanian, buruh am, dan penternakan. Saban tahun pihak AADK telah menganjurkan program berbentuk Karnival Kerjaya. Sebagai contoh pada 13 Ogos 2023 yang lalu, Program Karnival Kerjaya telah diadakan di AADK Daerah Muar melibatkan penyertaan seramai 150 orang peserta. Program ini memberi peluang kepada klien dan ahli keluarga mereka untuk mendapatkan pendedahan berkaitan kebolehpasaran diri selain melibatkan sesi temuduga terbuka daripada beberapa majikan yang dijemput oleh pihak PERKESO.

Pada tahun ini juga, akan diadakan "Program Bimbingan dan Kerjaya" melibatkan 100 orang klien dan keluarga bertempat di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 26 Mei 2024 dengan jangkakan kehadiran daripada sepuluh (10) buah syarikat untuk melaksanakan sesi temuduga terbuka. Turut diadakan taklimat daripada institusi latihan kemahiran bagi memberi pendedahan berkaitan tawaran latihan-latihan berbentuk sijil yang boleh disertai oleh klien atau keluarga mereka.

Selain daripada itu, klien AADK juga telah diberikan latihan kemahiran dan vokasional dalam modul rawatan pemulihan di peringkat daerah. Latihan yang diberi adalah berdasarkan kepada kecenderungan dan minat klien terhadap sesuatu bidang contohnya pertanian, perniagaan, pembinaan dan lain-lain. Sepanjang tahun 2023 hingga kini, sebanyak 27 latihan kemahiran / kursus jangka pendek telah dilaksanakan antaranya melibatkan penanaman fertigasi, tanaman hidroponik, teknik semaian, asas landskap, kemahiran pengucapan awam, asas gunting rambut, asas pembuatan roti canai, pembuatan tempe, pembuatan tapai, pembuatan minyak wangi, dan pembaikan kasut. Pelbagai lagi jenis program latihan kemahiran akan dirancang pelaksanaannya dari masa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Yang Dipertua dan Yang Berhormat,
Kebanyakan program khususnya disasarkan kepada klien AADK, namun sebahagiannya turut sama melibatkan ahli keluarga klien. Ini kerana keluarga merupakan individu yang paling terkesan akibat ahli keluarga yang terlibat dengan penagihan dadah. Keluarga juga merupakan faktor yang boleh mendorong serta memberi motivasi kepada individu yang mempunyai masalah penagihan untuk bebas dari pengaruh dadah.

Beberapa program pembangunan keluarga juga telah dilaksanakan di peringkat Negeri secara tahunan, antaranya Program Kelompok Sokong Kepulihan (KSKK) yang telah diadakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2023 iaitu Siri 1 pada 19-20 Mei 2023 dan Siri 2 pada 26-27 Ogos 2023. Program ini telah dihadiri oleh 140 orang klien dan ahli keluarga dengan matlamat utamanya adalah untuk memperbaiki hubungan kekeluargaan yang mungkin sebelum ini terjejas akibat masalah penagihan dadah. Selain itu, program ini juga berupaya untuk meningkatkan kesedaran, peranan serta tanggungjawab sesama mereka dalam proses pemulihan dadah. Pada tahun ini, KSKK dijangka akan diadakan pada 10 Ogos 2024 dan 24 Ogos 2024.

Program pembangunan keluarga turut diadakan di peringkat daerah dengan kerjasama daripada rakan strategik antaranya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Guru Takmir Daerah, Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah dan NGO's. Penglibatan daripada pihak-pihak yang signifikan dalam penganjuran program sebegini adalah bertujuan untuk memvariasi pengetahuan dan kemahiran yang boleh dikongsikan yang mana secara tidak langsung dapat menggalakkan pembangunan keluarga harmoni dan supportive. Sepanjang tahun 2023 hingga kini, sebanyak 38 program pembangunan keluarga diadakan.

Selain itu, terdapat juga aktiviti "complement" yang dijalankan secara berterusan sepanjang tempoh pengawasan klien AADK, contohnya sesi bimbingan dan kaunseling sama ada ianya dijalankan secara individu mahupun kelompok keluarga, yang turut membincangkan aspek-aspek pekerjaan, pengurusan kewangan dan sosioekonomi. Pendekatan ini juga merupakan salah satu terapi untuk meluahkan kerisauan, kecelaruan, dan harapan mereka. Tambahan, pihak AADK juga turut melaksanakan lawatan ke rumah / home visit dari masa ke semasa mengikut keperluan klien bagi memantau keadaan persekitaran semasa di samping kehidupan sebenar diri klien serta keluarganya. Setakat ini, sebanyak 810 rumah telah dilawati bagi sepanjang tahun 2023 hingga kini.

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 12 (A34)

Akhbar melaporkan kes jenayah rogol membabitkan gadis bawah umur meningkat ketara. Banyak kes melibatkan pelajar sekolah sama ada suka sama suka atau sebaliknya. Apa usaha kerajaan negeri dalam membendung perkara ini?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Mengikut peruntukan di bawah seksyen 375 (g) Kanun Keseksaan, mana-mana lelaki yang melakukan hubungan seks sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur 16 tahun, boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan. Hukuman yang diperuntukkan adalah pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun dan hendaklah dikenakan sebat.

Sedia maklum, statistik terkini daripada tahun 2017 hingga 2023, melaporkan trend yang sangat tinggi dan membimbangkan dengan jumlah mangsa kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang dilaporkan adalah seramai 6,990 mangsa dengan 1,570 kes pada tahun 2023 sahaja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor dengan kerja sama pelbagai agensi amat mengambil berat akan perkara ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor melaksanakan pelbagai program advokasi kepada kanak-kanak untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya melakukan perkara yang boleh mengakibatkan perkara yang tidak diinginkan terutamanya penderaan seksual.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah:

1. Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian terhadap kanak-kanak Peringkat Negeri Johor dan Program Celik Keselamatan Siber Kanak-kanak negeri Johor di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor. Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak manfaat penggunaan internet dan gajet dan program ini juga memberi kesedaran kanak-kanak ancaman yang boleh didapati apabila menggunakan internet. Program ini telah dilaksanakan di semua daerah yang melibatkan seramai 1000 orang peserta dikalangan pelajar sekolah. Program ini akan disebar luas kepada lebih ramai pelajar sekolah pada tahun 2024 dengan kerjasama pelbagai agensi dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak.
2. Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak: Kasih Kanak-kanak merupakan salah satu inisiatif dalam memberi pendedahan dan advokasi kepada kanak-kanak serta komuniti setempat berkaitan penderaan dan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

pengabaian kanak-kanak. Program ini dirancang untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kanak-kanak berkaitan tindakan yang boleh diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dengan penderaan kanak-kanak.

3. Pada tahun 2024, sebanyak 30 buah sekolah telah dipilih untuk pelaksanaan program ini dan akan selesai sepenuhnya pada September 2024. Program ini merupakan program kolaborasi agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Polis Diraja Malaysia, Suruhanya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Selain itu, antara usaha kerajaan negeri juga di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim adalah di mana Unit Kaunseling & Motivasi YPKDT yang mana telah menggunakan penjenamaan nama MIND-X sejak tahun 2021. Bermula tahun 2021 sehingga kini, MIND-X bergerak aktif dalam membantu memberikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada seluruh rakyat di negeri Johor melalui beberapa inisiatif seperti :

1. Perkhidmatan sesi kaunseling secara individu dan kelompok sama ada secara semuka atau atas talian bersama kaunselor-kaunselor yang terlatih dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Sebagai contoh, MIND-X juga terlibat secara langsung dalam memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pelatih di Generasiku Sayang agar mereka diberikan khidmat sokongan sosial dan dibantu daripada segi perancangan hidup mereka selepas proses bersalin.
2. Perkhidmatan Carevan MIND-X yang di mana ia akan pergi ke setiap daerah di negeri Johor termasuk kawasan pedalaman bagi memberikan perkhidmatan secara percuma dan juga sebagai langkah dan aktiviti kaunselor turun padang bagi melihat isu yang berlaku di sesuatu kawasan tersebut. Selain itu, Carevan MIND-X ini juga membantu dalam mempromosi perkhidmatan kaunseling terutama di kawasan luar bandar yang mempunyai akses yang terhad dalam mendapatkan perkhidmatan ini secara semuka mahupun atas talian.
3. Program-program ceramah di sekolah rendah juga sekolah menengah serta program motivasi yang melibatkan pelajar sekolah dan menekankan tentang isu jenayah kes rogol ini. Kebanyakan penyampaian ceramah adalah berkenaan pornografi, kepentingan sentuhan selamat dan jenayah seksual bawah umur. Topik-topik seperti ini, amat penting bagi pelajar seawal usia sekolah rendah untuk diterangkan kepada mereka mengenai sentuhan selamat kerana ia merupakan salah satu usaha untuk mereka mengenali tubuh badan mereka dan untuk menjaga kehormatan diri. Apatah lagi dalam kebanyakan kes, pemangsa pedofilia akan cuba melakukan antun seksual atau *grooming* sehingga pelajar-pelajar ini menjadi percaya dan selesa kepada mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**SOALAN 13 (A205)**

Bagaimana perkembangan pelaksanaan kurikulum pendidikan digital di sekolah-sekolah negeri ini, terutamanya dalam menangani cabaran pembelajaran dalam talian pasca pandemik?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha untuk mentransformasikan pendidikan secara berterusan termasuk di negeri Johor berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Antara transformasi yang dilaksanakan adalah berkaitan Pendidikan digital. Tumpuan utama inisiatif ini adalah untuk melahirkan generasi fasih digital dan berdaya saing selain dapat memupuk bakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran dan beretika dalam penggunaan teknologi digital.

Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023. DPD ini telah diluncurkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 28 November 2023. Tujuan DPD dirangka adalah untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing. Menerusi pembentukan generasi yang fasih digital, murid berupaya menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan beretika. Murid yang fasih digital ini seterusnya dapat menghasilkan dan mencipta inovasi, menganalisis data secara saintifik, menyelesaikan masalah serta berkomunikasi dan berkolaborasi dengan berkesan.

DPD menggariskan enam teras strategik merangkumi Murid Fasih Digital, Pendidik Kompeten Digital, Budaya Kepemimpinan Digital Berwawasan, Pengupayaan Infostruktur dan Infrastruktur, Kandungan Digital Berkualiti dan Rakan Strategik yang Komited. KPM yakin menerusi teras strategik tersebut, murid berupaya menggunakan teknologi digital untuk pembelajaran serta memanfaatkan inovasi dan transformasi digital di sekolah, rumah atau di mana sahaja.

Buat masa ini, KPM telah menyediakan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang mengandungi perkhidmatan, aplikasi dan kandungan yang ditambah baik secara berterusan sesuai dengan perkembangan teknologi yang terkini. DELIMa menyediakan pelbagai sumber pendidikan digital yang interaktif dan menyeronokkan serta dapat memperluas peluang murid untuk belajar serta meningkatkan motivasi, prestasi dan potensi yang dapat membangunkan bakat mereka secara menyeluruh. Sehingga kini, 5.3 juta pengguna pelbagai peringkat yang terdiri daripada murid sekolah rendah dan menengah, pelajar lepasan menengah iaitu Tingkatan Enam, Kolej Matrikulasi dan pelatih IPG, pelajar Kolej Vokasional, guru,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

pensyarah dan pemimpin pendidikan termasuk di negeri Johor dapat mengakses DELIMA pada bila-bila masa di mana sahaja.

KPM juga telah menyediakan peranti PdP murid di makmal komputer sekolah bermula Fasa 1 (2022) yang melibatkan 3,910 sekolah meliputi 75,354 unit komputer riba, Fasa 2 (2023) melibatkan 3,455 sekolah meliputi 68,056 unit komputer riba dan Fasa 3 (2024) akan diteruskan melibatkan 3,885 sekolah meliputi 69,604 komputer riba. Pembekalan Fasa 3 dijangka akan siap pada awal tahun 2024 yang turut melibatkan negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melaksanakan kelas hibrid untuk 110 buah institusi pendidikan terpilih yang melibatkan 550 buah bilik darjah meliputi negeri Johor. Pelaksanaan rintis kelas hibrid ini mengupayakan PdP secara digital dan bersemuka dalam satu ekosistem yang sama. PdP secara silang dapat dilaksanakan di antara kelas dan sekolah yang meliputi dalam juga luar negara.

Pendekatan ini dapat mewujudkan PdP yang membudayakan teknologi secara imersif. Kesemua inisiatif ini dapat menambah baik ekosistem pendidikan digital secara berterusan.

Di samping itu, bagi mengukur kompetensi digital murid, KPM dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* telah membangunkan *Digital Competency Score (DCS)* bermula pada tahun 2015. Tahap kompetensi digital murid diukur melalui tiga domain iaitu domain kognitif, teknologi dan kewarganegaraan digital melalui instrumen penilaian yang berkonsepkan gamifikasi (*gamification*). Berdasarkan laporan DCS pada tahun 2022 yang dilaksanakan secara persampelan di 744 buah sekolah melibatkan 38,671 orang murid, secara puratanya, skor keseluruhan adalah sebanyak 3.23 daripada 5.0. Ini bermakna murid di negeri Johor telah mencapai tahap pertengahan atau *Digital Intermediate* yang bermaksud murid mempunyai kemahiran asas dalam penggunaan teknologi digital dan tidak memerlukan bantuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memperkasakan sebanyak 367 buah Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan 16 buah Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara termasuk 45 buah PKG di negeri Johor sebagai pusat kecemerlangan (*centre of excellence - COE*) untuk inisiatif pendidikan digital sejak tahun 2022 dan dijangka selesai pada tahun 2024. Kesemua pusat ini dibekalkan dengan peralatan dan perkakasan studio digital dan hab penghasilan digital (*digital maker hub -DMH*) yang boleh digunakan oleh murid dan guru bagi meningkatkan kompetensi digital, membangunkan kandungan dan melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan di COE ialah penghasilan video PdP, robotik, pengaturcaraan dan realiti maya (*virtual reality - VR*).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

KPM sentiasa komited untuk memastikan program pendidikan digital dilaksanakan di semua sekolah di seluruh negara termasuk di negeri Johor mencapai aspirasi dan agenda nasional.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 14 (A150)

Mohon dinyatakan perkembangan semasa projek-projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, projek Tebatan Banjir yang sedang dilaksanakan di Daerah Batu Pahat adalah Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (TBBT) Rancangan Tebatan Banjir Bandar Batu Pahat dengan melibatkan kos projek sebanyak RM 187,169,200.00.

Tarikh mula projek ialah pada 8 Januari 2024 dan tarikh siap pada 7 Januari 2029. Projek adalah dilaksanakan secara Reka dan Bina. Skop projek ialah pembinaan ban banjir, tembok penahan banjir, pintu kawalan air pasang surut dan rumah pam. Projek ini melibatkan Sungai Batu Pahat, Sungai Simpang Kiri dan Sungai Simpang Kanan. Projek direkabentuk sehingga 200 ARI.

Status pelaksanaan projek ini adalah di peringkat kerja ukur tanah dan rekabentuk terperinci oleh pihak perunding yang dilantik kontraktor. Outcome projek ialah mengurangkan banjir di Taman Nira, Taman Batu Pahat, Taman Sri Panchor, Kampung Sengkuang, Parit Warijo dan Parit Haji Ahmad.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 15 (A65)

Minta dinyatakan apakah perkembangan projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan pusat dan negeri bagi mengatasi isu banjir di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Benut, banjir yang sering berlaku di negeri Johor secara amnya terdiri daripada banjir kilat, banjir disebabkan oleh limpahan air sungai (kebiasaan di musim tengkujuh) atau akibat fenomena air pasang besar. Kejadian banjir banyak berlaku di kawasan pertanian disebabkan oleh ketidakupayaan parit-parit sedia ada untuk menampung air akibat hujan yang lebat.

Kebanyakan parit telah dibina semasa pelaksanaan Projek Johor Barat yang telah melebihi 30 tahun lalu. Projek Johor Barat telah mula dilaksanakan pada awal tahun 1975 dan siap pada akhir tahun 1999. Walaubagaimanapun, bagi tujuan mengatasi banjir di kawasan Johor Barat termasuk dalam DUN Benut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor telah melantik perunding bagi melaksanakan kajian semula Rancangan Johor Barat bagi Daerah Pontian.

Pihak perunding telah memulakan kajian pada Oktober 2021 dan telah selesai pada Mac 2023. Berdasarkan kajian tersebut, pihak perunding mengesyorkan pelaksanaan projek tebatan banjir dan kerja penyelenggaraan sistem saliran dengan anggaran kos sebanyak RM356,766,108.00.

Memandangkan kos projek adalah tinggi, penglibatan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan adalah amat diharapkan. Bagi mengatasi masalah banjir akibat air pasang di bahagian pantai barat Negeri Johor, pihak JPS telah memohon peruntukan Persekutuan dan telah diluluskan dua (2) projek untuk pelaksanaan iaitu Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai dari Tanjung Bin ke Tampok, Pontian dan Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai dari Tampok ke Senggarang, Batu Pahat.

Projek ini dalam peringkat penilaian tender oleh JPS Malaysia. Pelaksanaan projek dijangka bermula pada akhir 2024.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 16 (A66)

Minta dinyatakan apakah langkah-langkah khusus kerajaan negeri bagi kawasan yang sentiasa mengalami banjir selain dari program kerajaan pusat apabila berlakunya banjir.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Tindakan jangka pendek yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor adalah kerja-kerja penggalian sungai dan sistem saliran secara berkala. Permohonan Peruntukan Pembangunan Negeri (RJ5T) telah diluluskan bagi Kerja-Kerja Penggalian *Benut High Level Drain* (BHLD) dan Kerja-Kerja Menggali dan Mendalamkan Sungai Pontian Kechil. Kedua-dua projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2023 dan 2024.

Bagi tindakan penyelesaian jangka panjang pula, JPS telah melantik perunding bagi melaksanakan kajian semula Rancangan Johor Barat bagi Daerah Pontian. Pihak perunding telah memulakan kajian pada Oktober 2021 dan telah selesai pada Mac 2023. Berdasarkan kajian tersebut, pihak perunding mengesyorkan pelaksanaan projek tebatan banjir dan kerja penyelenggaraan sistem saliran dengan anggaran kos sebanyak RM356,766,108.00.

Bagi mengatasi masalah banjir akibat air pasang di bahagian pantai barat Negeri Johor pula, pihak JPS telah memohon peruntukan Persekutuan dan telah diluluskan dua (2) projek untuk pelaksanaan iaitu Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai dari Tanjung Bin ke Tampok, Pontian dan Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai dari Tampok ke Senggarang, Batu Pahat. Kedua-dua projek ini dalam peringkat penilaian tender oleh JPS Malaysia. Pelaksanaan projek dijangka bermula pada akhir 2024.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 17 (A191)

Sejauh manakah keberkesanan bantuan perumahan khusus untuk penduduk luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) dan berapakah jumlah bantuan tersebut yang telah Negeri Johor amnya dan DUN Sungai Balang khasnya, terima dan nikmati limpahannya.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Pada Tahun 2023, program bantuan rumah di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) yang lebih dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah memberi manfaat kepada 468 penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak hampir RM 16,000,000.00.

Daripada 468 orang penerima, sebanyak 155 orang menerima Bantuan Bina Baru Rumah dan bakinya sebanyak 313 orang menerima Bantuan Baik Pulih Rumah. Berikut merupakan pecahan penerima mengikut Dun:

NO	DUN	BINA BAHARU	BAIK PULIH
1	BEKOK	2	
2	BENTAYAN		2
3	BENUT	1	10
4	BUKIT BATU	6	22
5	BUKIT KEPONG	4	4
6	BUKIT NANING	3	7
7	BUKIT PASIR	2	22
8	BUKIT PERMAI		1
9	BUKIT SERAMPANG		2
10	BULOH KASAP	2	1
11	ENDAU	11	14
12	GAMBIR	10	5
13	JEMENTAH	2	2
14	JOHOR LAMA	2	26
15	JORAK	2	8
16	KAHANG	4	15
17	KEMELAH	2	1
18	KUKUP	5	17
19	LAYANG-LAYANG	4	7
20	MACHAP	5	
21	MAHARANI	3	3
22	MAHKOTA	1	1
23	NUSAJAYA		5

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

NO	DUN	BINA BAHARU	BAIK PULIH
24	PANTI	1	8
25	PARIT RAJA		1
26	PARIT YAANI		1
27	PEKAN NENAS	3	7
28	PEMANIS	4	3
29	PENGGARAM	1	
30	PONTIAN		4
31	PULAI SEBATANG	1	36
32	RENGIT	2	
33	SEDILI	12	10
34	SEMARANG	1	2
35	SEMERAH	1	2
36	SENAI		4
37	SEROM	8	14
38	SIMPANG JERAM		1
39	SIMPANG KIRI	1	
40	SRI MEDAN	5	2
41	SUNGAI BALANG	6	16
42	TANGKAK	13	16
43	TANJUNG SURAT	15	1
44	TENANG	2	1
45	TENGGAROH	2	8
46	YONG PENG	6	1
JUMLAH		155	313

Pejabat KKDW Johor akan memohon setiap pejabat daerah untuk menyediakan senarai keutamaan penerima PPRT setiap tahun untuk diangkat bagi sebarang kelulusan pelaksanaan daripada Ibu Pejabat KKDW.

Bagi Tahun 2024, Negeri Johor telah menerima sebanyak kuota sebanyak 152 Bina Baru dan 309 Baik Pulih. Senarai keutamaan penerima juga telah diterima daripada Pejabat Daerah dan telah dihantar kepada pihak Ibu Pejabat KKDW untuk sebarang kelulusan pelaksanaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 18 (A26)

Jumlah kutipan zakat bagi tahun 1444H bersamaan 2024 dan berapakah peruntukan bagi asnaf fisabilillah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Pungutan zakat harta dan fitrah yang berjaya dicapai sehingga 30 April 2024 ialah sebanyak RM 171,965,548.18 berbanding pada tahun 2023 iaitu sebanyak 142,853,155.59 dengan kadar kenaikan 20.38% hanya meliputi kutipan zakat harta sebanyak RM 149,881,497.18 dan zakat fitrah sebanyak RM 22,084,051.00 jika dibandingkan pada tahun 2023 zakat harta sebanyak RM 135,796,288.59 dan zakat fitrah sebanyak RM 7,056,867.00.

Daripada jumlah kutipan tersebut, perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi Asnaf Fi Sabilillah ialah sebanyak RM 72,339,129.00 (18%) yang meliputi perbelanjaan bagi aktiviti pembangunan Syiar Islam, Masjid Dan Surau, Pendidikan, Kebajikan dan Maslahah Am.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 19 (A64)

Minta dinyatakan apakah kesan yang ketara kepada pengguna di Johor khususnya Johor Bahru apabila mata wang negara jiran Singapura terus lebih tinggi berbanding Ringgit Malaysia dan apakah langkah kerajaan negeri mengatasi kos sara hidup di daerah Johor Bahru ini?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 20 (A162)

Pelaksanaan kenaikan cukai SST 8% bagi sektor perkhidmatan telah mengakibatkan kesan rantaian ekonomi yang menghimpit rakyat. Apakah langkah Kerajaan Negeri Johor untuk menghadapi perkara ini?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor dan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Johor telah menajalakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos sara hidup di negeri Johor.

Walaubagaimanapun, SST telah dipersetujui oleh kerajaan persekutuan untuk meningkatkan dari 6% ke 8%, dan bermula pada march 2024, Kerajaan Negeri Johor dan KPDN Johor akan bekerjasama membantu rakyat Johor untuk mengurangkan kos sara hidup. KPDN Johor telah menjalinkan kerjasama pintar bersama agensi di bawah Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan beberapa inisiatif bagi tujuan berkenaan. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPDN Negeri Johor adalah Program Jualan Rahmah Madani (PJR) sejak 11 Januari 2023 iaitu inisiatif bantuan rakyat bagi mendapatkan barang keperluan dengan harga yang lebih murah melalui kerjasama strategik bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan, Lembaga Pertubuhan Peladang, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan pemain industri peruncitan setempat. PJR menawarkan barangan keperluan harian seperti ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula putih bertapis, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran/buah-buahan dan lain-lain barang keperluan harian seperti makanan dan bukan makanan dengan diskaun 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran bagi meringankan bebanan kos sara hidup rakyat dalam situasi mencabar ketika ini.

Setakat ini, Program Jualan Rahmah Madani (PJR) di peringkat Negeri Johor telah dilaksanakan di 26 Parlimen & 52 Dun bermula awal bulan Januari 2023. Berdasarkan rekod, PJR di Negeri Johor telah menerima sambutan yang amat baik dengan merekodkan nilai subsidi yang telah dibelanjakan daripada Januari 2024 hingga April

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

2024 sebanyak RM 1.5 Juta dan jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM 5.8 Juta yang memberi manfaat kepada 286,000 isi rumah di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 21 (A50)

Klinik kesihatan di Bukit Gambir kini sangat mendesak untuk dinaik taraf dan dibina di tapak yang baru. Apakah status permohonan tersebut dan bagaimana kerajaan negeri boleh membantu untuk mempercepatkannya.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Klinik Kesihatan Bukit Gambir merupakan fasiliti kesihatan primer lama yang telah beroperasi semenjak tahun 1955. Ketika ini klinik ini menawarkan perkhidmatan kepada 40,000 orang di bawah kawasan operasi klinik ini. Menyedari keadaan klinik yang lama dan ruang yang terhad dan sempit, pihak Pejabat Kesihatan Daerah Tangkak telah mengesyorkan permohonan menaiktaraf klinik ini kepada pembinaan baru Klinik Kesihatan Jenis 3 bagi menyelesaikan isu ruang dan kesesakan di klinik tersebut di samping pertambahan perkhidmatan seperti perkhidmatan X-Ray kepada penduduk setempat.

Bagi langkah penyelesaian, pihak pejabat kesihatan daerah telah mengenalpasti beberapa tapak tanah baru yang sesuai untuk dicadangkan pembinaan klinik kesihatan baru bagi menggantikan Klinik Kesihatan Bukit Gambir yang lama. Pada masa ini pihak JKN Johor sedang proses mendapatkan ulasan daripada agensi-agensi teknikal bagi meneliti kesesuaian tapak yang dicadangkan tersebut sebelum diangkat permohonan perolehan kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri sangat komited dengan usaha ini dan akan fasilitasi proses perolehan tanah ini melalui agensi kerajaan negeri yang terbabit.

Walau bagaimanapun, pada tahun ini Kerajaan Persekutuan ada menyalurkan peruntukkan Projek Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif KKM Tahun 2024 melibatkan Klinik Desa Simpang Lima Darat iaitu klinik di bawah operasi Klinik Kesihatan Bukit Gambir. Ia akan melibatkan kerja-kerja roboh dan bina semula Klinik Desa Simpang Lima Darat dengan anggaran kos RM650,000.00. Selepas Pembinaan klinik ini, dilihat akan dapat mengurangkan kesesakan di KK Bukit Gambir kelak

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**SOALAN 22 (A79)**

Keuzuran bangunan tadika KEMAS yang mana sangat memerlukan baik pulih dengan kerosakan bumbung, siling, tingkap dan pintu serta pendawaian elektrik sangat membimbangkan bagi memberi keselesaan dan keselamatan kepada anak-anak yang mula mendapatkan pendidikan disini. Mohon pencerahan dan tindakan.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman, KEMAS sentiasa komited dalam memastikan keadaan bangunan tadika KEMAS di seluruh Johor berada dalam keadaan yang baik untuk keselesaan serta keselamatan anak – anak dan kakitangan KEMAS. Untuk makluman juga, pihak KEMAS sedang melaksanakan kerja baikpulih di bangunan tadika KEMAS secara berperingkat di semua daerah yang terlibat.

Sebagai contoh, bersama-Sama ini dikemukakan **senarai baikpulih yang telah dilaksanakan di daerah Kota Tinggi pada tahun 2023:**

Bil	Tajuk Projek	Tahun	Kenyataan
1	Kerja – kerja menaiktaraf Pejabat KEMAS Daerah Kota Tinggi	2023	Projek telah selesai dilaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak jabatan
2	Tabika KEMAS Kg. Sayang		Projek telah selesai dilaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak jabatan. Skop kerja penting adalah menaiktaraf pagar perimeter bagi mengelakkan isu kecurian dan pecah masuk premis
3	Taska KEMAS PPMS, Kg. Baru, Pengerang		Projek telah selesai dilaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak jabatan
4	Tabika KEMAS Felda Bukit Besar		Projek baikpulih peruntukan mengurus unit Pendidikan Awal Kanak – kanak dan telah selesai dilaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak jabatan
5	Tabika KEMAS Felda Sungai Sibol		
6	Tabika KEMAS Felda Bukit Ramun		
7	Tabika KEMAS Felda Air Tawar 2		Projek peruntukan baikpulih Banjir bagi premis Tabika KEMAS yang

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Bil	Tajuk Projek	Tahun	Kenyataan
8	Tabika KEMAS Kg. Kelantan		terkesan dengan banjir pada awal tahun. Projek telah selesai dilaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak jabatan.
9	Tabika KEMAS Felda Simpang Waha		
13	Tabika KEMAS FELDA Lok Heng Barat		
14	Tabika KEMAS Murni, Kg. Luku		

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak KEMAS telah membuat siasatan teknikal pada **19 MAC 2024** dan telah **mengangkat permohonan peruntukan baik pulih Tabika KEMAS Tanjung Sedili** kepada Ibu Pejabat KEMAS bagi pelaksanaan baik pulih pada tahun ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 23 (A29)

Isu 3R sering dijadikan bahan dalam media sosial, apakah peranan Jabatan Agama Islam Johor khususnya bahagian dakwah untuk memberi kefahaman pada rakyat

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Peranan Jabatan Agama Islam Johor khususnya bahagian dakwah untuk memberi kefahaman kepada rakyat adalah dengan mewujudkan semangat perpaduan melalui pelbagai aktiviti yg dianjurkan oleh bahagian dakwah di peringkat negeri dan peringkat daerah seperti program street dakwah yg melibatkan pelbagai lapisan masyarakat muslim dan bukan muslim agar memahami Islam sebagai agama yang bersifat universal dan toleransi.

Bahagian Dakwah juga melaksanakan program kursus kefahaman islam yang melibatkan penglibatan saudara baru dan saudara kita bagi berkongsi kefahaman islam kepada pelbagai kaum bagi mewujudkan perpaduan termasuk isu 3R yang telah berlaku dalam Malaysia amnya dan negeri Johor khususnya.

Di samping itu juga satu jawatankuasa telah dibentuk yang diberi nama "Jawatankuasa Bertindak bagi menangani penyalahgunaan kalimah Allah" yang dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Setiausaha bersama oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dan SUB Kerajaan Tempatan.

Ahli jawatankuasanya pula terdiri dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Johor. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor. Bahagian Penguatkuasaan dan kawalan (KDN) Negeri Johor. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Negeri Johor. Jabatan Kastam Negeri Johor. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Negeri Johor. Pejabat penasihat Undang-Undang Negeri Johor. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor. Jabatan Imigresen Malaysia dan Tetuan Iqbal Salam Associates.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang merancang program bagi memberi kefahaman kepada pengusaha industri dan premis perniagaan antaranya Taklimat Pemerksaan dan Pemahaman Perundangan bagi menjaga keharmonian syiar Islam, Perkauman dan Institusi Diraja pada 7 Mei 2024 (Selasa).

Seterusnya satu bengkel akan diadakan sebagai Garis Panduan Pemerksaan dan Pemahaman Perundangan bagi Menjaga Keharmonian Syiar Islam, Perkauman & Institusi Diraja sebagai rujukan semua agensi penguatkuasaan dalam negeri Johor khususnya. Disamping itu kempen kesedaran masyarakat dalam menjaga

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

kepentingan memelihara kehormatan dan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum akan sentiasa disuburkan tanpa menidakkan pemantauan berterusan dari semua agensi penguatkuasaan sama ada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN 24 (A157)**

Nyatakan visi dan rancangan kerajaan negeri untuk kawasan Greater Johor Bahru.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pewujudan sebuah konurbasi yang kompetitif adalah penting bagi merealisasikan visi pembangunan negeri Johor. Konurbasi ini akan berfungsi sebagai gerbang pelaburan dan perdagangan utama pelbagai sektor ekonomi yang seterusnya akan disebarkan ke peringkat wilayah dan negeri Johor keseluruhannya. Justeru, *The Greater JB* merupakan konurbasi yang telah dirancang untuk menggalas peranan tersebut dengan kekuatan dan potensi daripada empat (4) PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu).

Faktor lokasi geografi dan ketersediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur strategik di keempat-empat buah PBT tersebut menjadikan konurbasi ini dapat bersaing dengan lebih efektif di rantau Asian. Kesemua PBT terlibat telah mengenalpasti beberapa usaha secara bersama meliputi aspek berikut:

- i. Koordinasi dan pemantapan sistem urus tadbir yang efisien berprestasi tinggi,
- ii. Pewujudan sebuah metropolis bertaraf antarabangsa melalui imej dan penjenamaan (*branding*) sebagai *The Greater JB*;
- iii. Pembangunan yang berdaya tahan (*resilient*) dan responsif kepada permintaan dan penawaran ekonomi semasa;
- iv. Pembangunan yang mampan melalui pengurusan alam sekitar secara seimbang dan berkesan;
- v. Pelaksanaan dan pembudayaan agenda global iaitu Masyarakat Rendah Karbon, Bandaraya Pintar dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs);
- vi. Peningkatan tahap aksesibiliti dan mobiliti bandar secara bersepadu;
- vii. Peningkatan tahap kebersihan, keindahan dan keceriaan bandaraya; dan
- viii. Peningkatan tahap kesejahteraan hidup warga bandaraya melalui pemerkasaan sosio-ekonomi secara inklusif.

Justeru itu, kerjasama strategik antara empat (4) PBT ini meliputi pelbagai aspek akan menjayakan visi utama *Greater Johor Bahru* iaitu tuggak kepada pembangunan negeri Johor dan Johor Bahru khususnya.

Perancangan kawasan *Greater Johor Bahru* adalah dengan penyediaan pelan tindakan untuk menterjemahkan pelaksanaan *The Greater JB*. Sebanyak 151 tindakan yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh 4 PBT yang terlibat. Pelaksanaannya melalui 3 fasa iaitu:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

- i. Fasa 1 merupakan pelaksanaan yang boleh dilaksanakan dalam tempoh 1 tahun di mana melibatkan sebanyak 72 tindakan;
- ii. Fasa 2 merupakan pelaksanaan dalam jangka masa sederhana iaitu antara 2 hingga 3 tahun. Fasa 2 ini melibatkan sebanyak 48 tindakan; dan
- iii. Fasa 3 merupakan pelaksanaan dalam jangka panjang iaitu antara 4 hingga 5 tahun. Fasa ini melibatkan sebanyak 31 tindakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**SOALAN 25 (A6)**

Apakah tindakan dan perancangan kerajaan negeri untuk mendepani ekonomi digital dan pembelajaran atas talian sedangkan banyak lagi kawasan di negeri Johor khususnya di DUN Kukup yang masih mengalami masalah talian internet yang kurang memuaskan, sebagai contoh sewaktu mengisi PADU.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN 26 (A165)**

Terlebih dahulu Bekok merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Johor kerana telah menyiapkan 2 Menara Telekomunikasi di Kampung Tembayan dan Kampung Kemidak Bekok. Bilakah menara telekomunikasi tersebut dapat beroperasi sepenuhnya?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**SOALAN 27 (A186)**

Di beberapa kawasan, menara telekomunikasi telah siap sepenuhnya namun masih belum dapat dimanfaatkan oleh masyarakat sekitar. Apakah status terkini berkenaan menara telekomunikasi yang telah siap hampir lebih satu tahun tetapi sehingga kini masih belum beroperasi?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Merujuk kepada soalan dari Yang Berhormat Kukup, kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa meletakkan penekanan transformasi digital sebagai agenda utama di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) supaya masyarakat di luar bandar boleh memperkasakan diri mereka dengan kegiatan ekonomi sedia ada serta menambah pendapatan melalui aktiviti ekonomi digital.

Sehubungan itu, untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah 90 NADI telah beroperasi di negeri Johor yang dilengkapi dengan akses perkhidmatan jalur lebar, kemudahan infrastruktur digital serta kakitangan terlatih bagi memberi perkhidmatan dan sokongan yang diperlukan oleh komuniti setempat. Sementara itu, sejumlah 11 buah NADI akan diwujudkan di negeri Johor di bawah matlamat 1 DUN 1 NADI dan jangkakan siap pada Q3 2024.

Antara inisiatif bagi menggalakkan rakyat khususnya usahawan mikro menceburi perniagaan dalam talian menerusi platform e-dagang bagi menyokong ekonomi digital negara ialah melalui Program Pemerksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK). Program ini melibatkan kerjasama strategik antara penyedia platform digital, syarikat

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

telekomunikasi serta NADI bagi memperkasa dan membantu khususnya usahawan luar bandar terlibat dalam ekonomi digital.

Bagi memperkukuh dan memperkemas lagi peranan NADI sebagai pusat pendigitalan dan tumpuan komuniti setempat, sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Panel Penasihat NADI telah diwujudkan di semua NADI seluruh negara. Objektif utama Panel Penasihat NADI adalah untuk menggalak, menasihati, melontar idea dan memberi peluang kepada pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam kalangan komuniti setempat untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti berkaitan NADI serta menarik masyarakat setempat untuk menggunakan pakai sepenuhnya perkhidmatan di NADI tersebut.

Sebagai tambahan, bagi merealisasikan aspirasi pendigitalan ekonomi negara, sejumlah 600 Rakan Digital NADI telah dilantik di 600 buah NADI terpilih diseluruh negara bagi membantu memberi maklumat sokongan kewangan, melatih dan membangunkan usahawan mikro NADI. Bagi kawasan DUN Kukup, terdapat empat (4) Rakan Digital NADI yang dilantik iaitu:

1. NADI Bandar Permas
2. NADI Tanjung Piai
3. NADI Parit Bilal Rembah
4. NADI Taman Nilam

Selaras dengan pengenalan inisiatif Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Jan 2024, peranan NADI telah dimanfaatkan sebagai salah satu tempat tumpuan masyarakat setempat bagi memahami manfaat serta panduan pendaftaran sistem berkenaan. Inisiatif kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kaunter fizikal PADU serta memanfaatkan kemudahan ICT dan perkhidmatan internet yang stabil di setiap NADI dilihat sebagai satu langkah yang proaktif bagi memudahkan urusan pendaftaran maklumat rakyat.

Bagi mendepani isu-isu perkhidmatan talian internet yang lemah di kawasan DUN Kukup, berikut adalah perkembangan terkini pelaksanaan program Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 sehingga Februari 2024:-

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (Premis)	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
DUN KUKUP	8	6	43	43	5,340	2929

Inisiatif	Infrastruktur 5G		Infrastruktur Point of Presence (PoP)	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
DUN KUKUP	8	7	22	2

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Sebagaimana yang diwar-warkan sebelum ini, JENDELA merupakan program jangka panjang yang dijalankan secara berfasa, oleh yang demikian, JENDELA Fasa berikutnya akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika Fasa 1.

Penambakan liputan telekomunikasi merupakan proses yang berterusan dan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa secara berperingkat oleh kerajaan dan pihak industri. Telah menjadi aspirasi kerajaan untuk menyediakan liputan disemua kawasan berpenduduk di Malaysia melalui pelaksanaan program JENDELA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 28 (A47)

Warga emas berusia 60 tahun hingga 70 tahun dari setiap DUN layak diberi perlindungan insurans takaful percuma oleh kerajaan negeri terdahulu. Sejauh manakah program itu dapat dilaksanakan dan adakah ianya masih diteruskan?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif tidak dijalankan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Namun saya sambut baik dan akan menyemak semula berkaitan inisiatif ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN 29 (A61)

Maharani Energy Gateway akan menjadi salah satu projek pemangkin kepada pembangunan Daerah Muar. Apakah peranan kerajaan negeri bagi memastikan warga Muar berpeluang sama menyumbang kepada pembangunan ini kelak?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Seperti yang telah diumumkan, projek Maharani Energy Gateway yang akan dibina di Muar, Johor dengan pelaburan sebanyak US\$2 bilion, dijangka menjadi pemangkin kepada inisiatif tenaga hijau Malaysia dan akan meningkatkan peluang perdagangan serta pelaburan negara dengan syarikat China.

Pembinaan loji janakuasa turbin gas kitaran gabungan (CCGT) dan loji hidrogen serta ammonia hijau ini adalah hasil kerjasama antara Maharani Energy Gateway Sdn Bhd (MEG) dengan China Energy International Group (CEIG) Sdn Bhd. Projek ini diharapkan dapat menjadikan Malaysia sebagai hab dan ekosistem tenaga serantau yang mampan, dengan tumpuan kepada tenaga boleh baharu. Ini pastinya akan merangsang penciptaan kekayaan baru dan sekaligus menggalakkan matlamat pembangunan mampan negara serta Negeri Johor.

Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited untuk membangunkan ekonomi negeri Johor dan memberi sokongan kepada masyarakat Johor bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah bukan sahaja memberi perhatian kepada Projek Maharani Energy Gateway, tetapi juga memastikan kesan positifnya dirasai oleh seluruh masyarakat Johor.

Dalam usaha Kerajaan Negeri Johor, pelaburan ini dijangka akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan, dan pada masa yang sama, meningkatkan kemahiran rakyat tempatan Negeri Johor. Melalui inisiatif program Latihan Kemahiran (PRO-MAHIR) yang dilaksanakan oleh Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI), Kerajaan Negeri Johor akan memastikan terciptanya pekerja tempatan yang berkualiti dan berkemahiran, serta mengelakkan kehilangan bakat tempatan hijrah ke luar negara pada masa yang sama.

Selain itu, Program Gerak Kerjaya Johor (GKJ) juga akan memperkenalkan peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada rakyat Johor untuk memastikan mereka mendapat pekerjaan yang berkualiti dan mengurangkan kadar pengangguran di negeri Johor. Rangkaian pembekalan tempatan akan diperkuatkan bagi memberi peluang kepada peniaga tempatan dalam menyediakan barang dan perkhidmatan kepada projek ini, yang turut membantu mendorong pembangunan ekonomi setempat dan meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Kerajaan Negeri Johor juga akan memastikan pematuhan undang-undang alam sekitar dan sosial pelaburan ini melalui kerjasama bersama Jabatan Alam Sekitar Johor, serta memastikan penduduk tempatan mendapat manfaat tanpa membahayakan kehidupan mereka atau alam sekitar.

Dengan sokongan yang kukuh dari Kerajaan Negeri Johor dalam, projek Maharani Energy Gateway ini akan menjayakan objektif pembangunan serta memberikan kesan positif yang luas kepada masyarakat tempatan. Saya yakin bahawa setiap rakyat Johor akan merasakan keberhasilan projek ini dalam membawa kemajuan ekonomi dan kesejahteraan kepada daerah Muar serta keseluruhan negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 30 (A137)

Mohon nyatakan perancangan kerajaan dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam khususnya di luar bandar.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat di luar bandar banyak dibantu pengangkutan dalam mendapatkan akses perkhidmatan asas seperti kesihatan, pengguna, peluang pekerjaan, pendidikan, sosial serta rekreasi.

Corak mobiliti penduduk luar bandar amat berbeza dengan penduduk bandar. Terdapat cabaran besar dihadapi penduduk luar bandar kerana terpaksa lebih bergantung kepada kenderaan persendirian. Antara faktornya, mereka tidak mempunyai pilihan mod pengangkutan lain kerana lokasi kediaman agak jauh daripada akses pengangkutan awam, malah perkhidmatan itu juga tidak memenuhi keperluan perjalanan mereka. Laluan keluar masuk ke kawasan kampung juga agak sempit dan menyukarkan perkhidmatan awam seperti bas untuk melaluinya.

Cabaran mobiliti di luar bandar ini bertambah dengan faktor kepadatan penduduk rendah hingga jumlah penumpang kurang untuk laluan pengangkutan awam. Tidak ramai pengendali bas berminat melabur dalam pengangkutan dengan menyediakan pengangkutan setanding kualiti perkhidmatan dalam kawasan bandar. Hakikatnya, menaik taraf sistem dan rangkaian pengangkutan untuk masyarakat luar bandar bukan lagi berteraskan keuntungan, sebaliknya memenuhi keperluan sosial masyarakat.

Oleh itu, Kerajaan Negeri mengambil maklum cabaran ini dan menambahbaikkan khususnya keadaan jalan raya dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam khususnya di luar bandar.

Inisiatif Bas Muafakat Johor (BMJ) amat sesuai di cadangkan kepada penduduk luar bandar kerana bukan sahaja dapat meningkatkan aksesibiliti malah menjadi medium pengangkutan yang percuma kepada penduduk luar bandar. PAJ disarankan bekerjasama dengan pihak PBT setempat bagi meningkatkan lagi keperluan perkhidmatan BMJ untuk penduduk luar bandar.

Selain itu, infrastruktur pengangkutan awam seperti hentian bas dan tiang maklumat bas juga perlu ditambahbaik dari segi struktur dan paparan info kepada pengguna. PAJ dilihat sedang giat menambahbaik tiang maklumat bas di semua laluan perkhidmatan BMJ dan Kerajaan Negeri juga menyarankan semua PBT untuk menambahbaik infrastruktur hentian bas bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Hal ini bukan sahaja menaikkan imej pengangkutan awam di luar bandar malah akan memberi impak kebolehpercayaan kepada penduduk untuk beralih ke pengangkutan awam dari kenderaan persendirian.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN 31 (A185)

Bekalan elektrik sering kali terputus ketika musim perayaan. Penggunaan Genset di setiap kawasan yang bermasalah adalah langkah penyelesaian bagi tempoh jangka masa yang pendek. Oleh itu, apakah tindakan atau sebarang inisiatif bagi menyelesaikan masalah berikut bagi tempoh jangka masa yang panjang?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Ketika musim perayaan, kadar kenaikan beban penggunaan tenaga elektrik dijangkakan sekitar 20 – 40% lebih daripada penggunaan biasa. Menjelang musim perayaan besar seperti hari raya aidilfitri, hari raya qurban dan tahun baru cina, pihak TNB akan membuat semakan terhadap sistem dan pemasangan sedia ada seawall 3 bulan sebelum. Ini adalah untuk mengenalpasti apakah kemampuan sedia ada sistem bekalan elektrik dan juga jangkaan beban dan penggunaan tenaga elektrik pada masa akan datang. Semakan yang dibuat adalah meliputi kaedah seperti berikut :

- i. *Condition Based Monitoring* pada setiap pencawang elektrik dalam Kawasan 'Hotspot' yang telah dikenalpasti untuk mengenalpasti sebarang kejanggalaan
- ii. Senggaraan berjadual terhadap pemasangan mengikut security level dan juga Analisa risiko
- iii. Hentitugas untuk kerja defect rectification hasil daripada kejanggalaan yang ditemui pada kaedah 1 sekiranya ada
- iv. Menjalankan aktiviti load balancing terhadap pembekal terutama bagi beban domestik dan perumahan/taman/kampung

Kaedah yang disebutkan diatas adalah antara Short term measures yang telah diambil oleh TNB bagi mengelakkan sebarang gangguan bekalan terjadi semasa tempoh perayaan. Sebagai pelan kontigensi juga, TNB turut menyediakan janakuasa bergerak bagi menampung kes-kes gangguan bekalan dan low voltage yang tidak dijangka. Selain itu, pihak TNB juga ada menjalankan pelan tindak jangka masa sederhana (Medium Term) dan juga jangka masa Panjang (long term) bagi menangani isu gangguan bekalan elektrik.

Antara pelan jangka masa sederhana yang dilakukan adalah :

- i. Menjalankan kerja Menaiktaraf Sistem Voltan Rendah (MSVR) meliputi penukaran wayar sesalur atas voltan rendah kepada kapasiti yang lebih besar untuk megatasi isu low voltage
- ii. Meningkatkan kapasiti alatubah (transformer) kepada yang lebih tinggi supaya suntikan sumber bekalan baru dapat dilakukan untuk pembekal yang terlibat dengan beban lampau

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Selain itu, ada juga aktiviti yang melibatkan pelan tindak jangka masa panjang yang melibatkan aktiviti seperti dibawah :

- i. Menaik taraf sistem voltan sederhana (MSVT) yang melibatkan proses rumit seperti perlu mendapatkan kelulusan izin lalu (wayleave), permit PBT dan juga kemasukan/pemilikan tanah. Inisiatif ini juga termasuk permohonan tanah untuk membina pencawang baru di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti

Kes gangguan bekalan semasa musim perayaan khususnya dalam daerah kota tinggi (termasuk Penawar - Pengerang), TNB telah mengenalpasti 11 *Hotspot* hasil semakan dan juga rekod/Sejarah 3 tahun terdahulu yang dijadikan rujukan. Berikut adalah rumusan status terkini pelan tindak yang telah dijalankan untuk makluman bersama Yang Berhormat :

- i. Pelan tindak jangka masa pendek – 100%
- ii. Pelan tindak jangka masa sederhana – 100%
- iii. Pelan Tindak jangka masa Panjang – 16%

Antara lokasi yang terlibat dengan pelan tindak jangka masa panjang yang masih dalam proses untuk mendapatkan tanah adalah *Hotspot* di Simpang Waha, Felda Kledang dan yang sedang dalam proses kelulusan permit untuk rentangan kabel 11kV untuk *Hotspot* kawasan Felda Tunggal, Felda Aping Barat & Timur dan Felda Lok Heng Barat.

Terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 32 (A30)

Mohon SAJ berikan perincian data berkenaan masalah bekalan air terputus secara tidak terancang pada tahun 2023 dan 2024 bagi kawasan DUN Skudai.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, bekalan air bersih untuk pengguna di sekitar kawasan DUN Skudai adalah daripada dua (2) buah loji rawatan air iaitu Loji Rawatan Air Semangar dan Loji Rawatan Air Sultan Ismail, Skudai.

Melalui rekod gangguan bekalan air tidak terancang ini adalah sebanyak 13 kes sepanjang 2023 hingga 2024. Antara faktor menjadi punca gangguan bekalan air tidak terancang ini adalah seperti paip pecah, bekalan elektrik, pengurangan pengeluaran, pencemaran dan paras tangki yang menurun.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN 33 (A189)

Adakah kerajaan negeri Johor mempunyai peruntukan khusus untuk kos pemasangan paip di kawasan lorong-lorong di perumahan generasi ke-2 FELDA mahupun kampung tradisi?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, pemasangan sistem bekalan air di perumahan generasi ke-2 FELDA tiada dalam perancangan Ranhill SAJ kerana ianya merupakan tanggungjawab pihak FELDA sebagai pemaju.

Antara projek naiktaraf yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak FELDA adalah seperti:

- i. Naik taraf pam di Rumah Pam Felda Air Tawar 1 (Kota Tinggi),
- ii. Naik taraf paip agihan di Tenggaroh (Mersing)
- iii. Pembinaan tangki dan rumah pam baru di Felda Air Tawar 4/5 (Kota tinggi).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 34 (A13)

Apakah cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air yang kerap berlaku di seluruh Johor?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri amat komited dalam memastikan bekalan air mentah mahupun terawat dibekalkan kepada pengguna di seluruh negeri Johor dalam keadaan stabil dan berkualiti. Berdasarkan komitmen ini, pihak kerajaan negeri melalui Badan Selia Kawalan Air (BAKAJ) dan Ranhill SAJ sedar dan peka dalam penyelesaian yang tuntas bagi memastikan perbekalan air terus berlangsung tanpa gangguan. Namun begitu, kebanyakan gangguan bekalan air yang berlaku adalah bersifat luar jangka dan tidak terancang disebabkan beberapa faktor.

Antara faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada gangguan-gangguan bekalan air yang berlaku adalah seperti berikut:

- i. Paip pecah, paip uzur dan paip lama
- ii. Pengurangan/ penutupan operasi loji rawatan air berpunca daripada gangguan bekalan elektrik atau berlaku kerosakkan peralatan M&E, Pencemaran kualiti air dan kekurangan air mentah
- iii. Permintaan bekalan air yang tinggi khususnya pada cuti hujung minggu yang panjang dan musim perayaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri terus memberikan komitmen bagi memastikan gangguan ini tidak berlarutan melalui tindakan sama ada tindakan jangka masa pendek atau jangka masa panjang.

Berikut merupakan tindakan jangka pendek yang telah diambil:

- i. Membina dan mengoperasikan station *on-line* dan *in-line pumping* di mana bekalan air di salurkan terus kepengguna melalui sistem pam.
- ii. Meletakkan tangki statik dikawasan terjejas yang telah dikenalpasti dimana pengguna boleh mendapatkan bekalan air terus dari tangki statik sekiranya terputus bekalan air.
- iii. Pengaktifan perbekalan air secara alternatif melalui lori tangki (Ranhill SAJ dan Swasta) dalam keadaan bersedia dan akan digerakkan sekiranya ada permintaan air oleh pengguna

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

Bagi tindakan jangka panjang pula, telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Pihak Ranhill SAJ telah mengenalpasti dan menyenaraikan projek yang berkaitan mengikut punca yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan melalui peruntukan dan proses kelulusan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) (Senarai Projek setiap tempoh Operasi Perniagaan -OP).
- ii. Bagi isu atau masalah bekalan elektrik terputus, inisiatif memperkukuhkan kerjasama erat bersama pihak TNB terus dipertingkatkan bagi meminimumkan kekerapan dan tempoh gangguan bekalan elektrik serta cuba memastikan bekalan elektrik secara 'emergency' iaitu bekalan siapsedia 'Genset' dari pihak TNB.
- iii. Dari segi penyelesaian pembekalan air mentah dari BAKAJ, terdapat beberapa projek yang sedang dilaksanakan dan juga telah lulus di peringkat kementerian untuk dilaksanakan. Berikut merupakan senarai projek-projek tersebut:
 - Projek Penyaluran Air Mentah Layang 2. Projek ini berkapasiti 300 Juta Liter Sehari (JLH) bagi meningkatkan sumber air mentah. (Dijangka siap pada 2024).
 - Projek Penyaluran Air Mentah dari Sg. Sedili Besar ke Sg. Gembut dengan kapasiti sebanyak 18 JLH. (Dijangka siap pada 2027)
 - Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sg Johor. TAPS ini akan dibina di Sg. Lebak dan berkapasiti sebanyak 200 JLH. (Dijangka siap pada 2030)
 - Projek Pembinaan Baraj dan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Pontian Besar. Projek ini berkapasiti sebanyak 100 JLH bagi kawasan Pontian dan Sedenak, Kulai. (Dijangka siap pada 2030)

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)

SOALAN 35 (A222)

Apakah solusi masalah air di DUN Kempas yang sering terganggu dan bagaimanakah exit plan Ranhill SAJ pada masa akan datang dalam mengkoordinasi agihan air kepada penduduk dengan lebih pantas dan berkesan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Gangguan bekalan air yang berlaku di beberapa kawasan termasuk kawasan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan bekalan air yang meningkatkan daripada kebiasaan. Keadaan permintaan bekalan air di Johor Bahru dikenalpasti telah semakin meningkat dengan pembangunan taman-taman perumahan dan kawasan perindustrian baru termasuk kepesatan pembangunan diluar jangkaan seperti Data Centre yang memerlukan permintaan penggunaan bekalan air yang sangat tinggi.

Kesan daripada itu, perkembangan ini telah menyebabkan pengoperasian loji-loji utama khususnya yang membekalkan air ke sekitar Johor Bahru, Pasir Gudang dan Kulai telah mencapai kapasiti maksimum serta berpotensi tinggi untuk mengalami gangguan kepada sistem bekalan air yang berupaya menghentikan operasi bekalan air secara tiba-tiba.

Sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini, bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di sekitar kawasan Kempas dengan keadaan pengeluaran loji telah mencapai had maksimum maka olahan pada sistem bekalan air terpaksa di buat. Dengan perlaksanaan olahan yang dinyatakan maka beberapa kawasan dalam rangkaian sistem paip yang sama akan menerima bekalan air dengan tekanan rendah terutama pada waktu puncak.

Menyedari keadaan ini, pihak Ranhill SAJ melalui penelitian dan semakan secara holistik telah mempunyai solusi terbaik bagi mengatasi kekurangan bekalan air bersih dengan telahpun dapat mengatasi masalah yang dinyatakan selepas loji rawatan air yang baru iaitu LRA Layang 2 berkapasiti 160 MLD telah dapat dioperasikan pada bulan Mac 2024. Diharap dengan inisiatif telah dilaksanakan ini akan dapat mengatasi masalah gangguan bekalan air yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 36 (A19)

Adakah kerajaan Johor akan meneliti semula caj penggunaan air yang dikenakan kepada pengguna oleh kerana rakyat negeri Johor membayar caj air antara yang tertinggi di negara kita? Adakah kualiti air serta perkhidmatan agensi berbaloi dengan caj yg dikenakan kepada pengguna?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, Seksyen 84, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) memperuntukkan Menteri atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan.

Pelarasan tarif air dilaksanakan apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menerima permohonan daripada operator air yang dilantik dan seterusnya menyemak keperluan pelarasan tarif air menggunakan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) sebelum rundingan awam bersama kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan dilaksanakan dan akan diangkat untuk kelulusan YB Menteri.

Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) adalah berdasarkan kepada komponen berikut:

- i. Struktur tariff
menyeragamkan struktur tarif sedia ada di semua negeri kepada kategori utama dan kategori khas
- ii. Tarif
Menyeragamkan komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan
- iii. Caj minima
Menyeragamkan kaedah penetapan caj minima berdasarkan threshold 10m³
- iv. Kekерapan
Semakan pelarasan tarif akan dilaksanakan setiap tiga tahun.

Pelarasan tarif air adalah bertujuan untuk menangani isu utama seperti kualiti air terawat tidak memuaskan, air tidak terhasil (NRW) yang tinggi, penggantian paip usang >30 tahun dan pembinaan loji rawatan air baharu/menaiktaraf loji rawatan air sedia ada bagi menampung kapasiti permintaan yang semakin meningkat.

Kegagalan melaksanakan pelarasan tarif air akan melemahkan kedudukan kewangan operator dan menyebabkan pembangunan infrastruktur sistem bekalan air tergendala serta penyenggaraan berkala tidak dapat dilaksanakan sehingga menyebabkan tahap perkhidmatan merosot seterusnya memberi impak kepada pengguna yang akan kerap

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

mengalami gangguan bekalan air, aduan lewat diselesaikan, rutin harian terganggu disamping merencatkan pembangunan ekonomi.

Untuk rekod, pelarasan tarif air yang diluluskan adalah berdasarkan kepada peningkatan kos operasi serta sewa pajak kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) setiap operator air yang diberikan Lesen Individu (Perkhidmatan) oleh SPAN untuk mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan bekalan air berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Pelan Perniagaan yang diluluskan SPAN.

Samakan serta pelarasan tarif membolehkan operator melaksanakan projek- projek infrastruktur bekalan air seperti membina loji rawatan air baharu, menaik taraf loji rawatan air sedia ada, penggantian paip-paip lama yang uzur dan kerap mengalami kebocoran/pecah serta melaksanakan program kawalan NRW disamping meningkatkan tahap rawatan air untuk memastikan air terawat yang dibekalkan mematuhi parameter Quality Assurance Program (QAP) serta parameter kimia yang ditetapkan Jabatan Kesihatan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 37 (A190)

Apakah langkah dan usaha yang kerajaan Johor ambil terhadap Ranhill SAJ bagi mengelakkan masalah terputus bekalan air dan tekanan rendah sewaktu musim perayaan sebagaimana yang dialami pada Syawal tahun ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ranhill SAJ sentiasa komited memberi perkhidmatan bekalan air bersih terawat kepada semua pengguna air dinegeri Johor. Namun begitu, cabaran utama dalam memberikan perkhidmatan terbaik ini adalah gangguan bekalan air yang berlaku secara dan bersifat luar jangka.
2. Gangguan bekalan air bersih yang berlaku di beberapa kawasan pada musim perayaan tahun ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan bekalan air yang berlaku kerana fenomena balik kampung. Peningkatan penggunaan bekalan air telah menyebabkan sistem bekalan air sediaada tidak dapat menampung permintaan bekalan air yang meningkat tiga (3) kali ganda daripada penggunaan biasa. Kesan daripada itu, paras air di tangki utama berada pada paras rendah menyebabkan pengguna yang berada di kawasan tinggi dan penghujung sistem bekalan air telah menghadapi tekanan rendah dan terputus bekalan air.
3. Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, pihak Ranhill SAJ telah mengambil beberapa langkah proaktif secara menyeluruh bagi menghadapi musim perayaan di negeri Johor dengan membuat persediaan awal bagi memastikan bekalan air kepada pengguna sepanjang musim perayaan tidak terjejas dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - i. Mengadakan mesyuarat Ops Perayaan diperingkat ibu pejabat dan daerah-daerah bagi mengenalpasti kawasan yang dijangka terjejas dan cadangan tindakan susulan bagi mengurangkan kesan gangguan bekalan air kepada pengguna terjejas.
 - ii. Memaksimumkan pengeluaran air bersih dari loji rawatan air.
 - iii. Memaksimumkankan paras air ditangki utama dan servis.
 - iv. Menghantar tanker dan meletak tangki statik bagi bekalan air sementara dikawasan pengguna yang dijangka terjejas.
 - v. Menjadualkan anggota bertugas 24 jam sepanjang musim Perayaan Aidil Fitri.
 - vi. Mengarahkan kontraktor penyelenggaraan paip bersedia dan bertugas 24 jam bagi menangani kes-kes kebocoran paip.
 - vii. Meningkatkan tekanan air bagi memastikan pengguna di kawasan tinggi dan penghujung sistem mendapat bekalan air yang memuaskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

- viii. Mengambil langkah proaktif dengan mengoperasikan inline injection di lokasi- lokasi tertentu
- ix. Mengoperasikan sistem online pumping setelah meneliti kesesuaian dan keupayaan dengan mengambil langkah proaktif ini bagi memastikan pengguna dilokality yang dijangka akan mengalami gangguan boleh menerima bekalan air
- x. menerusi pili di kediaman dimusim perayaan.
- xi. Aktiviti Rezoning dilaksanakan sekiranya diperlukan (perubahan sistem bekalan air dari punca bekalan air yang tidak terjejas kepada kekawasan yang
- xii. terjejas bekalan air

Sebagai langkah yang lebih cakna dan penyelesaian jangka panjang, pihak Ranhill SAJ melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah mengenalpasti projek mempertingkatkan sistem bekalan air yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah bekalan air dilokality-lokaliti tumpuan melalui peruntukan dan proses kelulusan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**SOALAN 38 (A43)**

Dalam usaha menjadikan Johor negeri Sifar Kemiskinan, apakah pelan jangka masa panjang yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan bagi menoktahkan miskin tegar di kalangan rakyat Johor.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Izinkan saya menjawab soalan A43, A51, A67, dan A176 secara bersekali berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Negeri Johor. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan semua sedia maklum, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2022 yang berkuatkuasa pada 31 Januari 2024 telah digunakan sebagai asas penentuan sesuatu keluarga itu di dalam kategori miskin tegar dan miskin. Di negeri Johor, seseorang dianggap miskin apabila pendapatan bulanan setiap KIR adalah kurang daripada PGK Keseluruhan iaitu RM2,627 atau RM735 per kapita. Manakala, bagi Miskin Tegar pula apabila seseorang itu mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK Makanan iaitu RM1,161 atau RM317 per kapita.

Berdasarkan bancian kes kemiskinan secara bulanan, dimaklumkan bahawa, hasil pemutihan data miskin tegar eKasih yang dilaksanakan secara bersepadu antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi pemberi bantuan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Pembangunan Negeri (PPN), terdapat pengurangan jumlah miskin tegar eKasih daripada 4,378 KIR (data yang dikunci masuk pada 15 Mac 2023) kepada 2,647 KIR. Kerajaan Negeri akan terus komited dalam usaha mengurangkan baki sebanyak 1,731 KIR dan juga memantau KIR kemasukan baharu. Kerajaan Negeri Johor amat prihatin dan sentiasa melaksanakan proses pemutihan dan pembasmian kemiskinan melalui sesi pembancian rumah ke rumah kepada mereka yang telah berdaftar di dalam sistem eKasih. Mesyuarat Focus Group Negeri dan Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan yang dipengerusikan oleh semua Pegawai Pegawai Daerah akan memastikan mereka yang berdaftar sebagai miskin tegar mendapat bantuan sewajarnya oleh agensi pemberi bantuan seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Yayasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Isu kemiskinan merupakan salah satu fokus utama kerajaan negeri dan seiring dengan aspirasi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri mensasarkan 0% miskin tegar di negeri Johor dan memerlukan penglibatan secara bersama oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan dan masyarakat umum. Terdapat dua (2) jenis program kemiskinan utama yang diperkenalkan oleh kerajaan persekutuan iaitu Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT) dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR). Program BMT merupakan program bantuan peralatan perniagaan kepada KIR atau AIR eKasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 MEI 2024**

miskin tegar dengan tujuan supaya peralatan perniagaan yang dibekalkan tersebut dapat membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan bulanan KIR atau AIR supaya dapat melepasi PGK yang ditetapkan dan seterusnya dapat terkeluar daripada kategori miskin tegar. IPR pula terbahagi kepada tiga (3) inisiatif iaitu Inisiatif Usahawan Tani (IPR INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (IPR INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IPR IKHSAN).

